

27/4/2009

SINAR

P.1 (GLOBAL)

Halang wabak selesema babi

Kerajaan seluruh dunia bertindak lakukan pemeriksaan

BANDAR RAYA MEXICO - Kerajaan-kerajaan di seluruh dunia bertindak melakukan pemeriksaan untuk menghalang penularan wabak selesema babi yang membunuh 81 orang di Mexico dan menjangkiti puluhan yang lain di Amerika Syarikat (AS).

Kawalan kesihatan di lapangan terbang juga ditingkatkan ketika Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran virus itu mungkin mampu merebak.

Secara keseluruhan setakat ini lebih 1,000 orang disyaki dijangkiti virus maut tersebut.

Sekurang-kurangnya lapan lagi kes dilaporkan kelmarin melibatkan pelajar-pelajar sebuah sekolah menengah di New York te-


tapi pihak berkuasa masih belum mengesahkan sama ada ia mempunyai kaitan dengan selesema babi.

Pengerusi WHO, Dr Margaret Chan menggesa dunia meningkatkan usaha pemantauan dan pencegahan bagi menghalang virus itu daripada merebak.

Virus selesema itu dianggap bahaya dan mampu mencetuskan risiko berskala besar kerana ia adalah gabungan virus pada babi, burung dan manusia.

Argentina semalam mengumumkan sesiapa yang tiba dengan pesawat dari Mexico dan mempunyai tanda-tanda selesema diminta menjalani ujian kesihatan segera dan langkah itu turut diikuti Hong Kong serta Jepun.

virus maut



● Sekumpulan pelancong di Mexico memakai topeng muka untuk mengelak dijangkiti virus selesema babi.

Selesema baru seperti itu mempunyai imunitasi semula jadi untuk melawannya dan vaksin mencegah jangkitan mungkin memakan masa berbulan-bulan untuk dicipta.